

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LHDN.AL.D.100-11/2/1  
Tarikh : 21 Ogos 2023

## Seperti di Lampiran 1

Tuan,

## PEMAKLUMAN BERKAITAN PEMBANGUNAN DAN PERSEDIAAN BAGI PENGGUNAAN SISTEM TAeF VERSI 2.0

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sistem e-Filing Ejen Cukai (TAeF) telah diperkenalkan pada tahun 2008 bagi memudahkan ejen cukai mengemukakan e-Borang bagi pembayar cukai. Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, Sistem TAeF sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan ia lebih mesra pengguna, mudah diselenggara dan diintegrasikan dengan sistem korporat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).


3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan **Lampiran 2** iaitu pemakluman berkaitan dengan pembangunan Sistem TAeF versi 2.0 untuk rujukan dan hebahan kepada ahli yang berdaftar di bawah organisasi Tuan. Sekiranya Tuan mempunyai sebarang pertanyaan, mohon salurkan pertanyaan melalui e-mel, [taef@hasil.gov.my](mailto:taef@hasil.gov.my).


4. Kerjasama dan perhatian yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA"**  
**"ORGANISASI BERIKTIRAF MS:ISO 9001:2015"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**[ SHAHARRUDY BIN OTHMAN ]**  
Pengarah  
Jabatan Operasi Cukai  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



- 1. Pengarah Eksekutif**  
**Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)**  
B-13-1 Block B (Unit 1-5),  
13th Floor, Megan Avenue II  
12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur  
[secretariat@ctim.org.my](mailto:secretariat@ctim.org.my); [technical@ctim.org.my](mailto:technical@ctim.org.my)
- 2. Pengarah Eksekutif**  
**Malaysian Institute of Accountants (MIA)**  
Dewan Akauntan  
Unit 33-01, Level 33, Tower A, The Vertical, Avenue 3  
Bangsar South City, No. 8 Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur  
[mia@mia.org.my](mailto:mia@mia.org.my)
- 3. Pengarah Eksekutif**  
**Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)**  
15, Jalan Medan Tuanku  
50300 Kuala Lumpur  
[technical@micpa.com.my](mailto:technical@micpa.com.my); [micpa@micpa.com.my](mailto:micpa@micpa.com.my)
- 4. Presiden**  
**Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A.)**  
Pejabat Sekretariat MATA  
27-1, Blok 1D Jalan Wangsa Delima 12  
Wangsa Link, Pusat Bandar Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur  
[mata@mata.org.my](mailto:mata@mata.org.my)
- 5. Presiden**  
**Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)**  
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
[maicsa@maicsa.org.my](mailto:maicsa@maicsa.org.my)
- 6. Presiden**  
**Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)**  
Unit A608, Block A, Tingkat 6  
Kelana Square,  
No. 17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor  
[macs@macs.org.my](mailto:macs@macs.org.my)

**7. Presiden**

**Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)**

14, Mez. Floor, Jalan Zirkon E7/E, Seksyen 7

40000 Shah Alam, Selangor

[theicma@yahoo.com](mailto:theicma@yahoo.com)

**8. CPA Australia**

Suite 10.01, Level 10, The Gardens South Tower

Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra

59200 Kuala Lumpur

[Francine.Roy@cpaaustralia.com.au](mailto:Francine.Roy@cpaaustralia.com.au); [my@cpaaustralia.com.au](mailto:my@cpaaustralia.com.au)

**9. Bekas Pegawai Hasil**

Unit 19A-23-5, Business Suite, OUA Centre

19, Jalan Pinang

50450 Kuala Lumpur

[exrevenue@gmail.com](mailto:exrevenue@gmail.com)

**10. Association of Inland Revenue Alumni (AIRA)**

18, Jalan Hijau Alam U9/14F,

Cahaya SPK

40150 Shah Alam

Selangor

[airaxhasil@gmail.com](mailto:airaxhasil@gmail.com)

## PEMAKLUMAN BERKAITAN PEMBANGUNAN DAN PERSEDIAAN BAGI PENGGUNAAN SISTEM TAeF VERSI 2.0

### 1. Spesifikasi Pembangunan Sistem TAeF Versi 2.0

Bagi memantapkan perkhidmatan elektronik dan mencapai objektif pembangunan MyTax sebagai pintu gerbang utama e-Perkhidmatan HASiL, Sistem TAeF versi 2.0 sedang dibangunkan dan dijangka tersedia untuk digunakan pada November 2023. Ciri-ciri pembangunan Sistem TAeF versi 2.0 adalah seperti berikut:

- 1.1 Akses masuk pengguna Sistem TAeF melalui MyTax;
- 1.2 Hanya ejen cukai yang mempunyai kelulusan daripada Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan mengemukakan e-Borang;
- 1.3 Pelantikan ejen cukai dan kebenaran fungsi oleh pembayar cukai melalui MyTax;
- 1.4 Ejen cukai boleh mengakses lejar, status bayaran balik, alamat pembayar cukai dan jadual ansuran melalui MyTax jika diberi kebenaran fungsi oleh pembayar cukai semasa proses lantikan di perkara 1.3;
- 1.5 Integrasi dengan sistem korporat HASiL dan data MyCukai; dan
- 1.6 Reka bentuk yang lebih moden dan menggunakan teknologi terkini.

### 2. Persediaan bagi penggunaan TAeF versi 2.0

#### 2.1 Pentadbir firma perlu mengemas kini maklumat pengguna TAeF

HASiL telah mengemukakan *e-mel blast* pada 18 Julai 2023 (seperti di **Lampiran 3**) kepada 894 orang pentadbir firma yang telah mendaftarkan pengguna TAeF menggunakan nombor pengenalan yang tidak tepat dan tidak sah. Pentadbir firma adalah diingatkan untuk memastikan pengguna sama ada Pentadbir, Penyelia, Ejen Cukai atau Staf yang didaftarkan adalah atas **seorang Individu** dan bukannya menggunakan nombor pendaftaran perniagaan atau Nombor Pengenalan Cukai (TIN) firma. Pengemaskinian ini perlu dilakukan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2023 bagi tujuan migrasi data yang akan dijalankan pada Oktober 2023.

## 2.2 Akses masuk ke Sistem TAeF 2.0 melalui MyTax

Merujuk kepada perkara 1.1, log masuk Sistem TAeF versi 2.0 adalah melalui MyTax. Hasil petikan data mendapati seramai 1,812 pengguna Sistem TAeF sedia ada tidak mempunyai Sijil Digital Individu. Sehingga 13 Ogos 2023, hanya 44 orang sahaja daripada 1,812 pengguna yang telah memohon Sijil Digital Individu. Sehubungan itu, setiap pengguna MyTax perlu mempunyai TIN (Individu) dan Sijil Digital Individu. Sekiranya pengguna masih belum mempunyai TIN (Individu), sila lakukan pendaftaran melalui e-Daftar di <https://mytax.hasil.gov.my/> selewat-lewatnya pada 30 September 2023 bagi memastikan kelancaran migrasi data pada Oktober 2023. Bagi pengguna yang masih gagal mendaftar TIN dan Sijil Digital Individu, data pengguna tidak akan dimigrasi ke TAeF versi 2.0

## 2.3 Taklimat Demonstrasi Sistem TAeF 2.0 secara webinar

Taklimat demonstrasi Sistem TAeF versi 2.0 dijangka akan diadakan pada sekitar September 2023 (tarikh akan dimaklumkan kemudian) menggunakan platform Zoom. Penyertaan peserta adalah terhad kepada **1,000 orang** sahaja. Setiap firma hanya dibenarkan membuat satu pendaftaran sahaja dan memancarkan sesi taklimat (bukan secara individu) di pejabat masing-masing agar lebih ramai pengguna TAeF dapat menyertai webinar berkenaan.

Justeru, peserta perlu melakukan pendaftaran awal mulai **6 September 2023 (Rabu)** melalui pautan <https://forms.office.com/r/vmwc4dCsPB> dan penyertaan akan ditutup setelah mencapai had 1,000 peserta. Pautan platform Zoom akan dihantar kepada senarai peserta yang membuat pendaftaran sahaja.

## 2.4 Pilot Test

Bagi memastikan Sistem TAeF versi 2.0 berfungsi dengan cekap, HASiL memerlukan wakil dari dua (2) firma di sekitar Lembah Klang sebagai pengguna *pilot test*. Oleh itu, mana-mana firma yang berminat untuk menyertai sesi *pilot test* hendaklah memberikan butiran di **Lampiran 4** kepada pihak kami sebelum 15 September 2023 (Jumaat) melalui e-mel, [taef@hasil.gov.my](mailto:taef@hasil.gov.my). HASiL akan menghubungi firma yang terpilih bagi sesi tersebut yang dijangka akan diadakan pada bulan Oktober 2023.

## Kandungan e-mel blast yang dihantar pada 18 Julai 2023

**Subject : Kemas kini data pengguna TAeF dalam firma**

Tuan/Puan,

Merujuk kepada perkara di atas.

Pihak LHDNM sedang membangunkan TAeF 2.0 yang menggunakan akses masuk melalui Portal MyTax.

Berdasarkan kepada semakan data TAeF 1.0, terdapat pengguna di dalam firma TAeF Tuan/Puan tidak mempunyai nombor pengenalan yang sah atau mendaftarkan syarikat/organisasi sebagai ejen cukai.

Justeru, mohon tindakan pentadbir firma TAeF untuk mengemaskini maklumat pengenalan pengguna iaitu no. kad pengenalan atau no.pasport jika ejen cukai bukan warganegara. Bagi ejen cukai, no. pengenalan dan no.kelulusan mestilah sama dengan maklumat yang diluluskan dalam MyCukai. Pengguna TAeF sama ada pentadbir, penyelia, staf dan ejen cukai **mestilah seorang individu** (*a person*) dan bukannya firma.

Sila pastikan pengguna TAeF mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dan Sijil Digital Individu. Sekiranya tiada, pengguna TAeF boleh memohon TIN melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> > e-Daftar Individu. Manakala, permohonan Sijil Digital Individu boleh dilakukan melalui <https://mytax.hasil.gov.my/> > e-CP55D.

**Sila abaikan makluman ini sekiranya tuan/puan telah membuat kemas kini data pengguna firma TAeF Tuan/Puan.**

Sekian, terima kasih.

E-mel ini dijana oleh komputer. Tandatangan tidak diperlukan.

**Butiran Pengguna bagi tujuan Pilot Test**  
**Borang ini perlu diemelkan kepada [taef@hasil.gov.my](mailto:taef@hasil.gov.my)**

**Firma 1:**

Nombor Pengenalan Cukai (TIN) Firma:

Nama Firma:

e-mel Pentadbir Firma:

Alamat Firma:

Bil	Peranan	Nama Pengguna	No. Pengenalan Pengguna	Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
1	Pentadbir			
2	Ejen Cukai			
3	Penyelia			
4	Staf			

**Firma 2:**

Nombor Pengenalan Cukai (TIN) Firma:

Nama Firma:

e-mel Pentadbir Firma:

Alamat Firma:

Bil	Peranan	Nama Pengguna	No. Pengenalan Pengguna	Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
1	Pentadbir			
2	Ejen Cukai			
3	Penyelia			
4	Staf			